

PUSAT PENGURUSAN KUALITI UNIVERSITI (PPQ)

NAMA DOKUMEN : SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 4/2021
**PENGUNAAN ISTILAH YANG MERUUK KEPADA
TAHAP KELAYAKAN KERANGKA KELAYAKAN
MELAYSIA (MALAYSIAN QUALIFICATIONS
FRAMEWORK, MQF) PADA PENAMAAN PROGRAM**


NOMBOR RUJUKAN : MQA.100-1/7/2 JLD 4(2)

EDISI : -

TARIKH KUATKUASA : 14 APRIL 2021

DILULUSKAN

Tandatangan :



Nama: Prof. Madya Dr. Noor Hasmini binti Hj Abd Ghani

Jawatan: Pengarah PPQ

Tarikh: 20 April 2020



Agensi Kelayakan Malaysia
Malaysian Qualifications Agency

Tel: +603 8688 3611 | Faks: +603 8688 3600

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
(Chief Executive Officer)
AGANSI KELAYAKAN MALAYSIA
(Malaysian Qualifications Agency)
Mercuri MQA
No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyber 5
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan

NO GIFT POLICY

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/2 Jld.4(2)

Tarikh : 14 April 2021

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 4/2021

PENGGUNAAN ISTILAH YANG MERUJUK KEPADA TAHAP KELAYAKAN KERANGKA KELAYAKAN MALAYSIA (MALAYSIAN QUALIFICATIONS FRAMEWORK, MQF) PADA PENAMAAN PROGRAM

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

- Seksyen 98 dalam Akta Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) 2007 [Akta 679]** menyatakan bahawa "Mana-mana orang yang tidak diberikan akreditasi di bawah Akta ini yang mengeluarkan atau menganugerahkan apa-apa kelayakan pendidikan tinggi yang didakwa sebagai mematuhi Kerangka melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya."
- Pekeliling MQA Bil. 3/2013:** Penggunaan Standard Diploma Eksekutif bertarikh 15 April 2013 menyatakan bahawa Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) yang menawarkan program Diploma Eksekutif yang tidak memenuhi keperluan Tahap 4 MQF perlu menggugurkan penggunaan perkataan 'Diploma' pada penamaan program.
- Surat Makluman MQA Bil. 3/2017:** Penawaran Program 'Eksekutif' atau 'Profesional' yang Tidak Diakredit oleh MQA bertarikh 14 April 2017 menyatakan bahawa PPT yang menawarkan program 'eksekutif' atau 'profesional' yang tidak setara dengan mana-mana tahap kelayakan MQF dan tidak diakredit oleh MQA dinasihatkan untuk memaklumkan status sebenar program/ kelayakan kepada pelajar. Program/ kelayakan tersebut seharusnya tidak diiklankan atau dipromosikan bersama-sama dengan program/ kelayakan lain yang telah mendapat akreditasi MQA supaya tidak menimbulkan keraguan dan kekeliruan kepada masyarakat umum. PPT yang gagal mematuhi ketetapan ini, apabila disabitkan kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM 200,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

5. Situasi semasa berhubung pengendalian program pendidikan tinggi yang tidak disetarakan dengan tahap kelayakan MQF dan tidak melalui proses akreditasi MQA telah dibincangkan dan diputuskan dalam **Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti Kementerian Pengajian Tinggi-Agensi Kelayakan Malaysia (MKSDJK KPT-MQA) Bil. 1/2021** bertarikh 12 Mac 2021.

6. Bagi memastikan kelangsungan variasi penawaran program/ kelayakan yang memfokus kepada *professional development* atau *career advancement*, berikut merupakan ketetapan yang perlu dipatuhi oleh PPT:

- i) PPT yang ingin menawarkan program yang tidak memenuhi mana-mana tahap kelayakan MQF (tertakluk kepada kelulusan KPT) tidak dibenarkan menggunakan istilah yang merujuk kepada tahap kelayakan MQF pada penamaan program (Contoh: Diploma atau Sarjana).
- ii) PPT dibenarkan menggunakan istilah 'eksekutif' atau 'profesional' bagi program yang berbentuk *Continuous Professional Development* (CPD) dan tidak merujuk kepada mana-mana tahap kelayakan MQF pada penamaan program (Contoh penamaan: Executive Programme in Management). Dalam hal ini, calon pelajar perlu dimaklumkan dengan jelas tentang status sebenar program yang tidak melalui akreditasi MQA.
- iii) PPT yang ingin menggunakan istilah yang merujuk kepada tahap kelayakan MQF pada penamaan program (Contoh: Diploma atau Sarjana) perlu menyetarakan program dengan mana-mana tahap kelayakan MQF dan melalui akreditasi MQA.

7. PPT dimohon mengambil perhatian yang sewajarnya bagi memastikan jaminan kualiti program/ kelayakan pendidikan tinggi di Malaysia dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



PROF. DATO' DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
4. SUSK YB Menteri Pengajian Tinggi
Pejabat Menteri Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
5. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR
6. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR

7. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Aras 2, Bangunan Canseleri
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 TANJONG MALIM, PERAK

8. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) (JKTNCRA UA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Aras 9, Canseleri
Universiti Malaya
50603 W.P. KUALA LUMPUR

9. Sekretariat
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam
Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Malaysia Kelantan
Karung Berkunci 36
16100 PENKALAN CHEPA, KELANTAN

10. Sekretariat
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)
Pejabat Presiden
Universiti Multimedia
Persiaran Multimedia
63100 CYBERJAYA, SELANGOR

11. Presiden
Persatuan Kebangsaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera Malaysia (PKIBM)
c/o Pejabat Komunikasi Korporat, Kumpulan Pendidikan Uniti
Pt 7445 & Pt 7446, Jalan Bbn1/2h, Putra Point 1
Bandar Baru Nilai 1
71800 NILAI, NEGERI SEMBILAN

12. Presiden
Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)
c/o Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)
Jalan Inovasi 1, Techonology Park Malaysia
Bukit Jalil
57000 KUALA LUMPUR
13. Presiden
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)
A-1-3, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1
46050 PETALING JAYA, SELANGOR
14. Presiden
Persatuan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Sabah (PIPTSS)
1st-3rd Floor
85, Jalan Gaya
8000 KOTA KINABALU, SABAH
15. Presiden
Persatuan Institusi-Institusi Pendidikan Tinggi Sarawak (PERINTIS)
Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak/ International College of
Advance Technology Sarawak
Jalan Canna, Off Jalan Wan Alwi, Tabuan Jaya
93350 KUCHING, SARAWAK